

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KAPAR) minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah tarikh jangkaan pembinaan IPD Klang Utara yang baru dimulakan

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan projek pembangunan semula Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara telah diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Keempat (*RP4*) Tahun 2019, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos projek sebanyak RM150 juta.

Projek ini telah selesai sesi Makmal Pengurusan Nilai pada Julai 2019 dan berdasarkan perancangan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana, pembinaan projek ini dijangka akan bermula pada Ogos 2020 dan dijangka mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.